

18 NOV 1999

Persatuan-BN

REKOD CEMERLANG BN AKAN PASTIKAN SOKONGAN MASYARAKAT CINA

IPOH, 18 Nov (Bernama) -- Persatuan Dewan perniagaan dan Perdagangan Perak (ACC) menyifatkan rekod cemerlang Barisan Nasional (BN) menguruskan ekonomi dan negara akan menjamin sokongan masyarakat Cina pada pilihan raya umum ini.

Presiden ACC Goh Chor Jim berkata kepimpinan cemerlang oleh kerajaan terutama membawa negara keluar daripada kemelut ekonomi amat dikagumi oleh masyarakat Cina di negeri ini.

"Masyarakat Cina di Perak menyokong penuh kepimpinan Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan caranya menguruskan ekonomi negara," kata beliau kepada Bernama di sini hari ini.

Goh berkata masyarakat Cina di negeri ini menghargai dasar ekonomi kerajaan semasa krisis itu melanda yang menyaksikan kerajaan mengambil langkah-langkah seperti kawalan modal, kadar faedah rendah dan memudahkan pinjaman.

"Kerajaan dijangka tidak menghadapi masalah (untuk mendapatkan sokongan masyarakat Cina di Perak)," kata beliau sambil berkata ACCI mahu melihat kesinambungan kepimpinan BN.

"Kami mahu negara yang aman dengan pemimpin yang berkebolehan seperti Dr Mahathir," kata Goh.

ACC Perak yang mempunyai beribu-ribu anggota di seluruh negeri juga akan menyokong siapa sahaja calon yang dilipih oleh BN bagi memastikan kemenangan BBN.

Beliau juga memberi penghargaan kepada Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Ling Sik kerana menjadi pemimpin contoh kepada semua anggota parlimen dan anggota dewan undangan negeri.

Beliau juga berkata sistem perkongsian kuasa dan kekayaan yang diamalkan oleh kerajaan BN telah terbukti berkesan dalam konteks mengekalkan kestabilan politik antara pelbagai kaum di Malaysia.

Semalam, ACC mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib yang juga pengerusi BN negeri.

-- BERNAMA

MHI FAZ